

Isu wawancara bersama CNN

Kenyataan pendek Anwar disunting tanpa penjelasan lanjut



Profesor Pusat Pengajian Antarabangsa (SoIS), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Dr Muhammad Fuad Othman
bhrencana@bh.com.my

Dalam wawancara bersama Richard Quest di CNN baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, lantang mempertahankan rakyat Palestin, sekali gus mengecam Israel dan sekutu Baratnya yang membenarkan pembunuhan beramai-ramai oleh rejim Zionis sejak 7 Oktober 2023.

Anwar menegaskan, pendirian moralnya tidak menyokong keganasan dalam apa jua bentuk, termasuk sebarang pembunuhan terhadap mana-mana pemimpin politik dan menyatakan kita harus mengambil pendirian moral tinggi serta konsisten dalam hal ini.

Selepas diprovokasi Quest mendakwa keganasan bermula tindakan Hamas ke atas Israel pada 7 Oktober, Anwar menekankan perbincangan Barat sering mengabaikan konteks sejarah sebelum tarikh itu, termasuk penjajahan dan pengusiran dialami rakyat Palestin berdekad-dekad.

Perdana Menteri mengaitkan konflik ini dengan perjuangan menentang penjajahan, sambil mengkritik hipokrisi media Barat hanya memfokuskan tindakan terkini tanpa mempertimbangkan ratusan ribu kematian akibat penjajahan rejim zionis sejak tragedi Nakba 1948, Shabra dan Shatila, Lubnan, Tebing Barat dan Gaza.

"Ini perjuangan menentang penjajahan, perjuangan melawan perampasan hak. Bagi negara seperti Malaysia pernah dijajah, kita tahu apa itu antipenjajahan dan perjuangan menentang kuasa imperialis.

"Jadi, anda tidak boleh hanya bercakap satu atau dua insiden mungkin kita tidak setuju, ini hipokrisi," ujarnya turut meluahkan kebimbangan terhadap Barat seolah-olah menghalalkan pendudukan dan serangan genosid Israel.

Beliau juga menyeru komuniti antarabangsa mengambil pendirian moral konsisten menghentikan semua bentuk keganasan dan ketidakadilan. Selepas tidak terlawan hujah Anwar, Quest tiba-tiba menanyakan soalan sama ada Perdana Menteri bersetuju atau tidak 'Israel mempunyai hak untuk wujud dan mempertahankan diri' dan ia diakui Anwar.

Belum sempat Perdana Menteri menjelaskan lebih lanjut apa dimaksudkannya, Quest terus beralih ke topik lain.

Kenyataan pendek Anwar disunting tanpa menyertakan kecaman panjang lebar beliau ke atas Israel dan sekutu Baratnya, kemudian ditularkan di media sosial menimbulkan reaksi negatif sebahagian rakyat. Kenyataan pendek ini dimokkan bercanggah pendirian rasmi Malaysia mengenai isu Palestin selama ini, sedangkan hakikatnya jawapan diberi Perdana Menteri memang sudah tepat.

Malaysia konsisten menyokong perjuangan rakyat Palestin membebaskan diri, bahkan menekankan keperluan pendekatan realistik di pentas antarabangsa, termasuk menghormati perjanjian antarabangsa.

Kenyataan Anwar, contohnya selaras Resolusi 242 (1967) dan Resolusi 338 (1973) diluluskan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyeru

pengunduran Israel daripada wilayah diduduki dan pengiktirafan kewujudan semua negara di rantau berkenaan.

Mengakui hak kewujudan Israel sejajar pandangan PBB dan pelbagai negara dalam usaha mencapai penyelesaian damai seperti pelan *Two-State Solution* (Penyelesaian Dua Negara) dengan Israel dan Palestin diiktiraf.

Pendekatan ini menyeru agar Israel dan Palestin wujud sebagai dua negara bebas, aman serta saling menghormati. Penyelesaian Dua Negara sudah disokong Perdana Menteri terdahulu dan menjadi sebahagian dasar luar Malaysia.

Pada 15 Mei 2021, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika menjadi Perdana Menteri, pernah menyatakan Malaysia menyokong penyelesaian adil dan saksama ke atas isu Palestin melalui Penyelesaian Dua Negara berdasarkan garis sempadan sebelum 1967.

Anwar lantang kecam Israel

Sejak menjadi Perdana Menteri, Anwar paling lantang dan banyak berusaha menangani keganasan serta kekejaman Israel ke atas rakyat Palestin, termasuk seruan terbaharu dalam Sidang Kemuncak Luar Biasa Arab dan Islam pada 11 November lalu supaya Israel dikeluarkan atau digantung daripada PBB.

Beliau bernasib baik kerana tidak termasuk ke dalam perangkap untuk menolak hak Israel untuk wujud atau mempertahankan diri yang akan memberi implikasi negatif besar.

Ini termasuk dari segi diplomatik apabila Malaysia akan kehilangan kredibiliti di pentas antarabangsa, khususnya dalam kalangan negara yang menyokong penyelesaian damai melalui rundingan. Dari segi ekonomi, keyakinan pelabur antarabangsa mungkin terjejas kerana sikap pemimpin kita dilihat terlalu konfrontasi boleh menjejaskan kestabilan geopolitik rantau.

Dalam konteks geopolitik, ia boleh mengasingkan Malaysia daripada perbincangan global, termasuk sokongan terhadap Palestin memerlukan kerjasama pelbagai pihak.

Oleh itu, pengkritik Anwar perlu adil dan menilai kenyataannya dalam konteks keseluruhan wawancara. Anwar jelas mengutuk keganasan dan menekankan perjuangan menentang penjajahan serta keperluan untuk keadilan sejagat.

Kenyataannya mencerminkan usaha mengekalkan prinsip moral sambil menyesuaikan dasar luar negara Malaysia dengan cabaran dan tuntutan geopolitik global kompleks.

Perlu difahami wawancara sebegitu bersifat konfrontatif. Dapat dilihat bagaimana Anwar di-asak kerana membawa Malaysia menyertai BRICS didakwa semakin tidak relevan, tetapi dijawab dengan baik.

Tidak ramai pemimpin Malaysia dan pemimpin dunia berani bersemuka begini. Jadi kita perlu berbangga dengan keberanian Perdana Menteri tidak terikut-ikut strategi pihak tertentu.

Menariknya, dalam wawancara itu, Quest ada menekankan keyakinan pelabur terhadap ekonomi Malaysia stabil dan kukuh di bawah pentadbiran Anwar.

Perdana Menteri menyatakan kestabilan itu hasil dasar kerajaan jelas, keberkesanan tadbir urus dan usaha bersungguh-sungguh membanteras rasuah. Malangnya ia tidak pula mendapat liputan meluas.